



Kementerian Kesihatan Malaysia

PUSAT DARAH NEGARA

(NATIONAL BLOOD CENTRE)

JALAN TUN RAZAK,
50400 KUALA LUMPUR, MALAYSIA

Tel: 03-2693 3888 Fax: 03-2698 0362

<http://www.pdn.gov.my>



Ruj. Tuan (*Your Ref*) :

Ruj. Kami (*Our Ref*) Bil(165)PDN/10-40.Jld.11

Tarikh (*Date*) : 19 AUG 2013

SCHOOL OF PROFESSIONAL & CONTINUING EDUCATION
UTMSPACE, BANGUNAN UTMSPACE
NO 195A JALAN TUN RAZAK
40450 KUALA LUMPUR

Tuan/Puan,

UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA MENGANJURKAN KEMPEN DERMA DARAH

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Pusat Darah Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan oleh pihak tuan/puan semasa berlangsung Kempen Derma Darah pada **22HB OGOS 2013**.

3. Permintaan yang tinggi terhadap bekalan darah menyebabkan kerjasama dan keprihatinan daripada orang ramai diperlukan untuk sama-sama menyumbang dalam membekalkan darah yang selamat bagi memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi.

4. Saya sekali lagi mewakili seluruh kakitangan Pusat Darah Negara khasnya dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia amnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak tuan/puan dan juga seluruh warga kerja Jabatan/Agensi yang terlibat semasa program ini dijalankan.

5. Saya sentiasa berharap kerjasama dan hubungan yang baik ini dapat diteruskan demi kepentingan para pesakit yang memerlukan dan sentiasa mengharap bantuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. ROSHIDA BINTI HASSAN)

Pengarah

Pusat Darah Negara

Kuala Lumpur

(No Pendaftaran MPM 25566)